LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2019

**PRINSIP PERAKAUNAN** **3756/3**
**PROJEK**
**Kertas 3**
**Mac – Mei 2019**

1. *Kertas ini mengandungi* **satu** *tugasan.*
2. *Calon wajib melaksanakan tugasan tersebut secara individu.*
3. *Calon hendaklah menyempurnakan projek ini dengan merujuk kepada elemen, aspek dan kriteria yang telah ditetapkan.*
4. *Projek ini hendaklah dilaksanakan oleh calon* **SPM** *dari bulan* **Mac** *hingga bulan* **Mei 2019**.
5. *Calon dikehendaki menyediakan Jadual Pelaksanaan Tugasan Projek untuk memastikan tugasan projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.*
6. *Calon dinasihatkan membuat perancangan yang teliti dan melaksanakan tugasan dengan menggunakan perbelanjaan yang berpatutan dan munasabah.*

Kertas tugasan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

 © 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia 

**TUGASAN PROJEK**

1. Anda dan dua orang rakan kongsi menjalankan perkhidmatan dobi dan dobi layan diri bermula 1 Mac 2019. Perniagaan anda dibantu oleh dua orang pekerja yang dibayar gaji RM1 000 seorang. Gaji tersebut dibayar dua kali sebulan. Tahun kewangan perniagaan berakhir pada 28 Februari setiap tahun.
2. Setiap pekongsi menyumbangkan modal sebanyak RM60 000 seorang untuk membiayai perkara berikut:

| **Butiran** | **RM** |
|---|---|
| Mesin Dobi | 95 400 |
| Lengkapan | 6 600 |
| Deposit elektrik | 4 000 |
| Deposit air | 1 000 |
| Deposit sewa (2 bulan) | 7 500 |
| Tunai di tangan | 1 000 |
| Tunai di bank | 64 500 |

3. Perniagaan menerima tawaran kontrak menyediakan perkhidmatan dobi daripada sebuah hotel dan sebuah asrama dengan bayaran secara kredit untuk selama setahun.
4. Kutipan hasil dobi akan dibankkan setiap dua hari.
5. Perniagaan akan menerima komisen daripada Pembekal **P** bagi belian sabun mini dan pelembut mini berdasarkan syarat berikut:

| **Belian sebulan (unit)** | **Komisen diterima (RM)** |
|---|---|
| 0 – 500 | 20.00 |
| 501 – 1 000 | 40.00 |
| 1 001 – 1 500 | 60.00 |
| 1 501 – 2 000 | 80.00 |
| Melebihi 2 000 | 100.00 |

6. Urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Mac 2019 adalah seperti di **Lampiran A**. Anda dikehendaki melengkapkan **Lampiran A** dengan melengkapkan urus niaga atau dokumen yang terlibat dalam urus niaga berkenaan. **Lampiran A** adalah sebahagian daripada projek yang perlu dihantar.

[Lihat halaman sebelah
 © 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia 

7. Maklumat tambahan berikut perlu diambil kira untuk menyediakan tugasan.
   (*a*) Polisi susut nilai mesin dobi menggunakan kaedah garis lurus, manakala lengkapan menggunakan kaedah baki berkurangan. Kadar susut nilai yang digunakan hendaklah bersesuaian.
   (*b*) Mewujudkan perkara berikut:
      (i) Peruntukan Hutang Ragu mengikut kadar yang bersesuaian.
      (ii) Dua item Belanja Belum Bayar.
      (iii) Satu item Belanja Prabayar.
      (iv) Satu item Hasil Belum Terima.
      (v) Satu item Hasil Belum Terperoleh.
      (vi) Satu item pembetulan kesilapan.
   (*c*) Mengira baki inventori akhir dengan melengkapkan kad inventori menggunakan **Lampiran B**.
   (*d*) Ikatan Perkongsian mengandungi perkara berikut:
      (i) Kongsi untung atau rugi sama rata.
      (ii) Kadar faedah atas modal ialah 5% setahun.
      (iii) Kadar faedah atas ambilan ialah 3% setahun.
      (iv) Kadar faedah atas pinjaman pekongsi ialah 8% setahun.
      (v) Gaji bulanan setiap pekongsi RM2 000.
      (vi) Setiap pekongsi akan menerima bonus sebanyak RM500 sekiranya perniagaan mendapat keuntungan melebihi RM50 000.
8. Maklumat yang perlu diambil kira untuk menyediakan Belanjawan Tunai.
   (*a*) Baki awal pada 1 Julai 2019 adalah RM ___________ (Jumlah dianggarkan dengan merujuk baki akhir bulan April 2019 Buku Tunai).
   (*b*) Hasil perkhidmatan pada bulan Julai meningkat 3% daripada bulan sebelumnya, manakala hasil perkhidmatan bagi dua bulan seterusnya meningkat 5% daripada bulan sebelumnya. 20% daripada hasil perkhidmatan adalah secara kredit.
   (*c*) Jualan tunai meningkat 5% setiap bulan.
   (*d*) Belian kredit bulan Julai, Ogos dan September masing-masing meningkat 5% daripada bulan sebelumnya.
   (*e*) Polisi kredit 15 hingga 30 hari diamalkan oleh perniagaan.
   (*f*) Seorang pekongsi telah memberikan pinjaman kepada perniagaan untuk membeli sebuah van terpakai.
   (*g*) Anggaran penerimaan dan pembayaran lain yang signifikan adalah berdasarkan rekod sedia ada.
9. Jawapan anda hendaklah dibundarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) yang hampir.
10. Anda dikehendaki menamakan sendiri pekongsi, hotel, asrama, pembekal dan jenama pelembut kain yang digunakan di kedai anda.

[Lihat halaman sebelah
 © 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia 

11. Berdasarkan semua maklumat dan lampiran yang disertakan, anda dikehendaki menyediakan

    (*a*) Pengenalan Perniagaan

    (*b*) Profil Perniagaan dan Ikatan Perkongsian

    (*c*) Dokumen Perniagaan

    (*d*) Buku Catatan Pertama

    (*e*) Catatan dalam Lejar

    (*f*) Imbangan Duga

    (*g*) Penilaian Inventori Akhir

    (*h*) Pelarasan

    (*i*) Jurnal Am Pelarasan

    (*j*) Lejar Pelarasan

    (*k*) Akaun Kawalan Belum Terima dan Akaun Kawalan Belum Bayar

    (*l*) Imbangan Duga Terselaras

    (*m*) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi serta Akaun Pengasingan Untung Rugi

    (*n*) Akaun Semasa Pekongsi dan Penyata Kedudukan Kewangan

    (*o*) Analisis dan Tafsiran Nisbah

    (i) Nisbah Keberuntungan

    (ii) Nisbah Kecairan

    (iii) Nisbah Kecekapan

    (*p*) Belanjawan Tunai

    (*q*) Cadangan meningkatkan prestasi jangka pendek dan jangka panjang

    (*r*) Rumusan

12. Lajur folio mestilah dilengkapkan berdasarkan Carta Akaun berikut:

| **Klasifikasi Akaun** | **No. Lejar** |
|---|---|
| Aset | LA 1 – LA10 |
| Liabiliti | LA11 – LA20 |
| Ekuiti Pemilik | LA21 – LA30 |
| Hasil | LA31 – LA40 |

| **Klasifikasi Akaun** | **No. Lejar** |
|---|---|
| Belanja | LA41 – LA50 |
| Catatan Kontra | LA51 – LA60 |
| Akaun Belum Terima | LJ 1 – LJ 10 |
| Akaun Belum Bayar | LB 1 – LB10 |

13. Calon diperuntukkan 12 minggu untuk menyiapkan tugasan (Mac hingga Mei 2019).

[Lihat halaman sebelah

 **© 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia** 

14. Hasil projek akhir yang lengkap mesti dikemukakan oleh calon secara individu. Calon juga perlu mengemukakan evidens proses kerja bagi projek berkenaan.

15. Hasil projek akhir hendaklah dibuat menggunakan perisian yang sesuai dan dicetak dengan mematuhi perkara berikut:

    (*a*) Saiz kertas : A4

    (*b*) Saiz fon : 12 pt.

    (*c*) Jenis fon : Times New Roman

16. Setiap calon mesti mempamerkan kemahiran komunikasi dalam bentuk pembentangan projek dan interaksi sepanjang pelaksanaan tugasan projek.

**TUGASAN TAMAT**

[Lihat halaman sebelah
 **© 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia** 

**Lampiran A**

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>Urus Niaga</th><th>Dokumen</th></tr>
<tr><td>2019<br>Mac 1</td><td></td><td>Memo</td></tr>
<tr><td></td><td>Membayar belanja ubah suai premis kepada Perniagaan Reno Teq RM15 000 dengan cek</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Membeli barang niaga secara kredit daripada Pembekal P.
<table>
<tr><th>Nama Barang</th><th>Harga Kos (RM)</th><th>Kuantiti (unit)</th></tr>
<tr><td>Sabun serbuk mini</td><td>0.60</td><td>200</td></tr>
<tr><td>Sabun cecair mini</td><td>0.60</td><td>200</td></tr>
<tr><td>Pelembut X mini</td><td>0.50</td><td>200</td></tr>
<tr><td>Pelembut Y mini</td><td>0.50</td><td>200</td></tr>
<tr><td>Sabun cecair 10 liter</td><td>30.00</td><td>50</td></tr>
<tr><td>Pelembut 10 liter</td><td>30.00</td><td>50</td></tr>
</table>
Diskaun tunai 5 hari 10%, 10 hari 5%.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Pekerja mengeluarkan inventori untuk kegunaan perniagaan.
<table>
<tr><th>Nama Barang</th><th>Kuantiti (unit)</th></tr>
<tr><td>Sabun cecair 10 liter</td><td>17</td></tr>
<tr><td>Pelembut 10 liter</td><td>17</td></tr>
</table></td><td>Kad Inventori</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Membayar sewa kedai RM3 750 dengan cek.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Kutipan hasil dobi sebanyak RM2 300 dan dibankkan.</td><td></td></tr>
<tr><td>3</td><td>Memulangkan barang niaga kerana rosak.
<table>
<tr><th>Nama Barang</th><th>Harga Kos (RM)</th><th>Kuantiti (unit)</th></tr>
<tr><td>Sabun cecair mini</td><td>0.60</td><td>10</td></tr>
<tr><td>Pelembut X</td><td>0.50</td><td>8</td></tr>
</table></td><td></td></tr>
<tr><td>4</td><td>Membayar insurans kedai kepada Takaful Malaysia Berhad RM2 400.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Jualan tunai.
<table>
<tr><th>Nama Barang</th><th>Harga Jualan (RM)</th><th>Kuantiti (unit)</th></tr>
<tr><td>Sabun serbuk mini</td><td>1.00</td><td>15</td></tr>
<tr><td>Sabun cecair mini</td><td>1.00</td><td>16</td></tr>
<tr><td>Pelembut X mini</td><td>1.00</td><td>15</td></tr>
<tr><td>Pelembut Y mini</td><td>1.00</td><td>11</td></tr>
</table></td><td></td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah

 © 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia 

**Lampiran A**

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>Urus Niaga</th><th>Dokumen</th></tr>
<tr><td>4</td><td>Kutipan hasil dobi sebanyak RM2 200 dan dibankkan.</td><td></td></tr>
<tr><td>6</td><td>Kutipan hasil dobi sebanyak RM1 900 dan dibankkan.</td><td></td></tr>
<tr><td rowspan="2">7</td><td>Hotel menggunakan perkhidmatan dobi dan dikenakan caj RM1 750. Tempoh kredit selama 15 hari.</td><td></td></tr>
<tr><td>Pekerja mengeluarkan inventori untuk kegunaan perniagaan.<br><table><tr><th>Nama Barang</th><th>Kuantiti (unit)</th></tr><tr><td>Sabun cecair 10 liter</td><td>12</td></tr><tr><td>Pelembut 10 liter</td><td>12</td></tr></table></td><td>Kad Inventori</td></tr>
<tr><td>8</td><td>Kutipan hasil dobi sebanyak RM2 100 dan dibankkan.</td><td></td></tr>
<tr><td>9</td><td></td><td>Resit Rasmi (asal)</td></tr>
<tr><td>10</td><td>Kutipan hasil dobi sebanyak RM1 900 dan dibankkan.</td><td></td></tr>
<tr><td rowspan="2">12</td><td>Kutipan hasil dobi sebanyak RM2 000 dan dibankkan.</td><td></td></tr>
<tr><td>Jualan tunai.<br><table><tr><th>Nama Barang</th><th>Harga Jualan (RM)</th><th>Kuantiti (unit)</th></tr><tr><td>Sabun serbuk mini</td><td>1.00</td><td>34</td></tr><tr><td>Sabun cecair mini</td><td>1.00</td><td>41</td></tr><tr><td>Pelembut X mini</td><td>1.00</td><td>31</td></tr><tr><td>Pelembut Y mini</td><td>1.00</td><td>32</td></tr></table></td><td></td></tr>
<tr><td>13</td><td>Membayar gaji dua orang pekerja sebanyak RM1 000 dengan tunai.</td><td></td></tr>
<tr><td rowspan="3">14</td><td>Hotel menggunakan perkhidmatan dobi dan dikenakan caj RM2 100. Tempoh kredit selama 15 hari.</td><td></td></tr>
<tr><td>Kutipan hasil dobi sebanyak RM1 800 dan dibankkan.</td><td></td></tr>
<tr><td>Jualan tunai.<br><table><tr><th>Nama Barang</th><th>Harga Jualan (RM)</th><th>Kuantiti (unit)</th></tr><tr><td>Sabun serbuk mini</td><td>1.00</td><td>21</td></tr><tr><td>Sabun cecair mini</td><td>1.00</td><td>19</td></tr><tr><td>Pelembut X mini</td><td>1.00</td><td>18</td></tr><tr><td>Pelembut Y mini</td><td>1.00</td><td>20</td></tr></table></td><td></td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah

 © 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia 

**Lampiran A**

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>Urus Niaga</th><th>Dokumen</th></tr>
<tr><td>14</td><td>Pekerja mengeluarkan inventori untuk kegunaan perniagaan.<table><tr><th>Nama Barang</th><th>Kuantiti (unit)</th></tr><tr><td>Sabun cecair 10 liter</td><td>20</td></tr><tr><td>Pelembut 10 liter</td><td>20</td></tr></table></td><td>Kad Inventori</td></tr>
<tr><td>15</td><td>Membeli barang niaga secara kredit daripada Pembekal Q.<table><tr><th>Nama Barang</th><th>Harga Kos (RM)</th><th>Kuantiti (unit)</th></tr><tr><td>Sabun cecair 10 liter</td><td>25.00</td><td>50</td></tr><tr><td>Pelembut 10 liter</td><td>25.00</td><td>50</td></tr></table></td><td></td></tr>
<tr><td>16</td><td>Kutipan hasil dobi sebanyak RM1 500 dan dibankkan.</td><td></td></tr>
<tr><td>17</td><td>Memulangkan barang niaga kepada Pembekal Q kerana rosak.<table><tr><th>Nama Barang</th><th>Harga Kos (RM)</th><th>Kuantiti (unit)</th></tr><tr><td>Sabun cecair 10 liter</td><td>25.00</td><td>3</td></tr></table></td><td></td></tr>
<tr><td>18</td><td></td><td>Slip Transaksi Perbankan Elektronik</td></tr>
<tr><td>20</td><td>Kutipan hasil dobi sebanyak RM1 400 dan dibankkan.</td><td></td></tr>
<tr><td rowspan="2">21</td><td>Hotel menggunakan perkhidmatan dobi dan dikenakan caj RM2 500. Tempoh kredit selama 15 hari.</td><td></td></tr>
<tr><td>Pekerja mengeluarkan inventori untuk kegunaan perniagaan.<table><tr><th>Nama Barang</th><th>Kuantiti (unit)</th></tr><tr><td>Sabun cecair 10 liter</td><td>8</td></tr><tr><td>Pelembut 10 liter</td><td>8</td></tr></table></td><td>Kad Inventori</td></tr>
<tr><td rowspan="3">22</td><td>Menerima sewa ruang niaga bagi mesin peruncitan daripada Perniagaan Nesley sebanyak RM1 000.</td><td></td></tr>
<tr><td>Kutipan hasil dobi sebanyak RM1 500 dan dibankkan.</td><td></td></tr>
<tr><td>Terima cek daripada hotel bernilai RM1 750</td><td></td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah

 © 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia 

**Lampiran A**

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>Urus Niaga</th><th>Dokumen</th></tr>
<tr><td>Mac 22</td><td>Jualan tunai<br>
<table>
<tr><th>Nama Barang</th><th>Harga Jualan (RM)</th><th>Kuantiti (unit)</th></tr>
<tr><td>Sabun serbuk mini</td><td>1.00</td><td>26</td></tr>
<tr><td>Sabun cecair mini</td><td>1.00</td><td>24</td></tr>
<tr><td>Pelembut X mini</td><td>1.00</td><td>24</td></tr>
<tr><td>Pelembut Y mini</td><td>1.00</td><td>26</td></tr>
</table></td><td></td></tr>
<tr><td>23</td><td>Seorang pekongsi telah membawa masuk sofa rumah kediamannya bernilai RM ______ untuk kegunaan perniagaan.</td><td></td></tr>
<tr><td>24</td><td>Kutipan hasil dobi sebanyak RM1 600 dan dibankkan.</td><td></td></tr>
<tr><td>26</td><td>Membayar sebahagian invois Pembekal Q sebanyak RM1 100.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Kutipan hasil dobi sebanyak RM2 100 dan dibankkan.</td><td></td></tr>
<tr><td>27</td><td>Mengeluarkan wang dari bank RM1 500 untuk kegunaan perniagaan.</td><td></td></tr>
<tr><td>28</td><td>Membayar baki gaji pekerja secara tunai.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Kutipan hasil dobi sebanyak RM2 400 dan dibankkan.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Jualan tunai<br>
<table>
<tr><th>Nama Barang</th><th>Harga Jualan (RM)</th><th>Kuantiti (Unit)</th></tr>
<tr><td>Sabun serbuk mini</td><td>1.00</td><td>43</td></tr>
<tr><td>Sabun cecair mini</td><td>1.00</td><td>35</td></tr>
<tr><td>Pelembut X mini</td><td>1.00</td><td>41</td></tr>
<tr><td>Pelembut Y mini</td><td>1.00</td><td>38</td></tr>
</table></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Asrama menggunakan perkhidmatan dobi dan dikenakan caj RM1 500. Tempoh kredit selama 30 hari.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Hotel menggunakan perkhidmatan dobi dan dikenakan caj RM1 950. Tempoh kredit selama 15 hari.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Pekerja mengeluarkan inventori untuk kegunaan perniagaan.<br>
<table>
<tr><th>Nama Barang</th><th>Kuantiti (Unit)</th></tr>
<tr><td>Sabun cecair 10 liter</td><td>20</td></tr>
<tr><td>Pelembut 10 liter</td><td>20</td></tr>
</table></td><td>Kad Inventori</td></tr>
</table>

[Lihat halaman sebelah

 © 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia 

**Lampiran A**

<table>
<tr><th>Tarikh</th><th>Urus Niaga</th><th>Dokumen</th></tr>
<tr><td>29</td><td>Membeli barang niaga secara kredit daripada Pembekal P.
<table>
<tr><th>Nama Barang</th><th>Harga Kos (RM)</th><th>Kuantiti (Unit)</th></tr>
<tr><td>Sabun serbuk mini</td><td>0.60</td><td>200</td></tr>
<tr><td>Sabun cecair mini</td><td>0.60</td><td>200</td></tr>
<tr><td>Pelembut X mini</td><td>0.50</td><td>200</td></tr>
<tr><td>Pelembut Y mini</td><td>0.50</td><td>200</td></tr>
<tr><td>Sabun cecair 10 liter</td><td>25.00</td><td>50</td></tr>
<tr><td>Pelembut 10 liter</td><td>25.00</td><td>50</td></tr>
</table>
Diskaun tunai 5 hari 10%, 10 hari 5%.</td><td></td></tr>
<tr><td>30</td><td>Kutipan hasil dobi sebanyak RM2 300 dibankkan.</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Terima sekeping cek daripada hotel bernilai RM2 100 untuk bayaran sebahagian perkhidmatan dobi yang digunakan.</td><td></td></tr>
<tr><td>31</td><td>Seorang pekongsi telah mengambil wang tunai untuk membayar ansuran kereta peribadinya RM850.</td><td></td></tr>
</table>

Nota
Sediakan dokumen perniagaan bagi urus niaga yang berikut:

| Bil. | Tarikh Urus Niaga |
|---|---|
| 1 | Mac 1 |
| 2 | 3 |
| 3 | 14 |
| 4 | 22 |

Kad inventori tidak dianggap sebagai urus niaga.

 © 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia 

**Lampiran B**

**Nama Item:**

## KAD INVENTORI

| Tarikh | Dokumen | Masuk | Keluar | Baki | Kos Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |

**Nama Item:**

## KAD INVENTORI

| Tarikh | Dokumen | Masuk | Keluar | Baki | Kos Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |



 © 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia

**Lampiran B**

**KAD INVENTORI**

**Nama Item:**

| Tarikh | Dokumen | Masuk | Keluar | Baki | Kos Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |

**KAD INVENTORI**

**Nama Item:**

| Tarikh | Dokumen | Masuk | Keluar | Baki | Kos Seunit (RM) | Jumlah (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |
| | | | | | | |

 © 2019 Hak Cipta Kerajaan Malaysia 